

CNS3653

R GB 05-07 00166 BA853

bah

BANGUNAN RESIDENSI KINI MEMORIAL TUNKU ABDUL RAHMAN

Memorial - Tunku (Bergambar)

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Residensi, tempat kediaman rasmi Perdana Menteri pertama Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, akan dibaikpulih untuk dijadikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra bagi mengingati jasanya kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan majlis pelancaran memorial itu Selasa ini.

Bangunan memorial yang terletak dalam kawasan Jabatan Perdana Menteri di Jalan Datuk Onn di sini, merangkumi tiga bangunan penting iaitu Residensi sebagai bangunan utama dan dua bangunan baru didirikan di kiri dan kanannya.

Bangunan Residensi, yang dijadikan tempat pameran, akan dipenuhi barang-barang asal rumah tersebut mengikut susunan semasa Almarhum Tunku Abdul Rahman mendudukinya manakala dua bangunan baru itu merupakan ruang pameran dan ruang kerja.

Dr Mahathir, dalam perutusan buku cenderamata memorial itu, berkata, kerajaan menubuhkan memorial itu sebagai tanda penghargaan dan ingatan negara terhadap jasa Almarhum Tunku. -- Lagi

♥05/07/12-05MST

CNS3655

R GB 05-07 00132 BA854

bah

Memorial - Tunku 2 Kuala Lumpur

+Memorial ini adalah tanda kenangan rakyat kepada jasa dan sumbangan seorang negarawan ulung,+ katanya.

Beliau berkata, Almarhum Tunku disegani dan dicintai semua rakyat di negara ini dan sumbangannya sebagai perintis kemerdekaan negara merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara.

Bangunan Residensi itu menjadi kediaman rasmi Almarhum Tunku antara tahun 1956 dan 1970, ketika menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama, Perdana Menteri Tanah Melayu yang pertama dan Perdana Menteri Malaysia pertama sehingga bersara daripada jawatan itu.

Semasa tempoh tersebut, kebanyakan aktiviti rasmi dijalankan di bangunan itu termasuk jamuan rasmi negara.

Bangunan tersebut juga merupakan kediaman rasmi bagi Residen-residen British di negeri Selangor semasa pemerintahan British sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. -- Lagi

♥05/07/12-07MST

CNS3656

R GB 05-07, 00215 BA855

bah

Memorial - Tunku 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Banyak mesyuarat penting, terutama dalam usaha mencapai kemerdekaan negara diadakan di bangunan itu.

Antara bilik yang akan dibaikpulih ialah bilik makan, bilik rehat, bilik menunggu, bilik tidur utama, bilik tidur tetamu dan pejabat peribadi Almarhum Tunku di tingkat bawah Bangunan Resideni itu. Pejabat ini mempunyai sebuah meja tulis, kerusi dan kabinet besi serta dua kerusi tetamu.

Almarhum Tunku banyak menghabiskan masa di pejabat peribadi ini dan keputusan-keputusan penting pemerintahan negara juga banyak dibuat di sini.

Sebuah bilik yang dikenali sebagai +Bilik Cairo+ kerana kerusi di dalam bilik ini dibeli dari Kaherah juga dibaikpulih. Ia digunakan sebagai bilik perjumpaan dengan tetamu-tetamu luar negeri.

Di Aras 1 bangunan baru, yang terletak di sebelah kiri, akan dibina bilik penyelidikan, perpustakaan, ruang legar dan kaunter perkhidmatan manakala Aras 2 pula ialah ruang pameran bertema/ruang legar yang akan mempamerkan pameran mengikut tajuk-tajuk yang dipilih dan di Aras 3 ruang pameran tetap/ruang legar yang akan menempatkan bahah-bahan pameran tetap mengenai Almarhum Tunku dan sejarah negara.

Menurut Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum, setakat ini sebanyak 22,000 bahan mengenai Almarhum Tunku dikumpul sejak 1963 bagi membantu Arkib Negara menyediakan sebuah memorial yang lengkap dan dapat memaparkan baktinya kepada negara. -- Bernama

▼05/07/12-09MST